

# **NOVEL-NOVEL FAISAL TEHRANI DARI PERSPEKTIF *TEKSDEALIMSE***

***(FAISAL TEHRANI'S NOVELS FROM TEKSDEALIMSE PERSPECTIVE)***

Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali  
Madiawati Mamat@Mustaffa  
Fauzi Hasan  
Akademi Pengajian Melayu  
Universiti Malaya

## **Abstrak**

Kajian ini menganalisis tiga buah novel karya Faisal Tehrani, seorang penulis muda yang proaktif dan prolifik dalam berkarya. Penulis ini lebih dikenali sebagai penulis novel remaja yang banyak memperkatakan pentingnya berpegang pada ajaran agama khususnya kepada generasi muda. Novel-novel 1515 (2003), Tunggu Teduh Dulu (2008) dan Bahlut (2010) didapati sarat dengan idea dan pemikiran dan banyak menyentuh sejarah, sosiobudaya dan keagamaan untuk semua peringkat insan supaya menjadi pedoman, pegangan dan panduan dalam kehidupan. Kajian terhadap tiga novel ini dianalisis menggunakan Teori Teksdealisme yang digagaskan oleh Mana Sikana atau nama sebenarnya Abdul Rahman Napiah. Falsafah teori ini menetapkan asas bahawa setiap pengarang itu mempunyai hasrat meletakkan teksnya untuk mencapai tahap keunggulan. Untuk mencapai tahap sebuah teks yang unggul, pengarang diasak agar mempunyai keberanian dan kebijaksanaan. Teori ini mengemukakan empat prinsip dalam menganalisis karya, iaitu kehadiran, perlanggaran, pengukuhan dan sifat kepengarangan novelis atau individualisme. Bagi mengupas persoalan-persoalan tersebut, kaedah penelitian yang digunakan ialah teknik bacaan rapi dan seterusnya menganalisis isi (content analysis) novel tersebut dengan menggunakan semua prinsip Teori Teksdealisme. Hasil analisis ini dapat dilihat sama

ada novel-novel kajian mencapai tahap keunggulan atau sebaliknya. Hasil analisis memperlihatkan pengukuhan kedudukan Faisal Tehrani sebagai penulis novel yang berwibawa dalam dunia kesusasteraan di tanah air.

**Kata Kunci:** Faizal Tehrani, Teori Teksdealisme, novel, kehadiran, perlanggaran, pengukuhan, individualisme.

### *Abstract*

*This study analyses three novels by a young proactive and prolific writer, Faisal Tehrani. The author is well-known as a writer of teen novels who emphasises the importance of religious teaching, especially to the younger generation. His novels 1515 (2003), Tunggu Teduh Dulu (2008) and Bahlut (2010) are fully loaded with ideas and thoughts on history, society, culture and religion for all walks of life, which serve as guidelines for living. The studies on these three novels are analysed by using the Textsdealisme theory of Mana Sikana (the pen name of Abdul Rahman Napiah). The underlying philosophy of this theory is that every author has the intention to place their texts at a level of excellence. In order to achieve this level, the author must be courageous and full of wisdom. This theory suggests four principles in analysing literary work: presence, clashes, reinforcement, and the nature of a novelist is authorship or individualism. As for the purpose of answering those inquiries, a thorough research method with intensive reading technique and content analysis of the novels is applied using the Textsdealisme Theory principles. The results of the analysis reveal the ability of the novels to achieve a level of excellence. The final results of the study portray the strengthening of Faisal Tehrani's status as a competent novelist in the world of literature throughout this country.*

**Keywords:** Faizal Tehrani, Textsdealisme theory, novel, presence, clashes, reinforcement, individualism.

## **Pendahuluan**

Kehadiran Faisal Tehrani dalam kesusasteraan tidak asing lagi dalam menghasilkan pelbagai genre sastera dan mencetuskan fenomena dengan karyanya yang dianggap sangat istimewa. Beliau begitu prolific dalam

penulisan pelbagai genre khasnya cerpen dan novel serta menghasilkan puisi, drama dan menulis kritikan. Sepanjang menghasilkan karya, Faisal Tehrani kerap memenangi sayembara penulisan pada peringkat nasional dan negeri. Kemenangan yang diraih beliau khasnya dalam genre cerpen dan novel memperkukuh ketokohan dan memantapkan gaya penulisan beliau daripada aspek persoalan, pemikiran, latar, teknik dan gaya bahasa. Penglibatan Faisal Tehrani sungguh bermakna dalam perkembangan sastera tanah air sehingga mendapat pengiktirafan dari dalam dan luar negara. Sehubungan itu, kajian ini memberikan tumpuan terhadap novel-novel Faisal Tehrani bagi mengkaji keunggulan pengarang dalam menghasilkan novel-novelnya. Hanya tiga buah novel yang menjadi fokus kajian, iaitu novel *1515*, *Tunggu Teduh Dulu* dan *Bahlut*. Pemilihan novel-novel ini disebabkan oleh keunikan dan kelebihan tersendiri daripada tekstual dan kontekstual novel-novel ini bagi menggambarkan keunggulan Faisal Tehrani.

## **Objektif Kajian**

Secara khusus objektif kajian ini adalah untuk:

1. Menganalisis novel-novel pilihan Faisal Tehrani berdasarkan Teori Teksdealisme
2. Menilai sama ada teks kajian tersebut dapat memperlihatkan keunggulan pengarang atau sebaliknya

## **Permasalahan Kajian**

Pengarang pada setiap zaman mencari cara-cara terbaharu berkarya sematamata untuk mencari bagaimana untuk mencapai kebenaran. Oleh itu, tugas kesusasteraan itu tidak ada bezanya dengan falsafah yang juga berfungsi untuk mencari kebenaran. Sastera bekerja melalui teks-teks karya kreatif dan tulisan-tulisan teoritis, sementara falsafah melalui pemikiran dan idea-idea tentang sesuatu subjek (Mana Sikana, 1997, p. 203). Dalam memperkatakan hal ini, kehadiran Faisal Tehrani dalam penulisan sastera tanah air dengan pelbagai karya sastera telah diakui dan diiktiraf sebagai penulis yang tersendiri dan kehebatannya pula berdasarkan pencapaiannya dalam sayembara menulis peringkat nasional atau

kebangsaan. Karya-karya beliau telah menarik perhatian dalam kalangan pengkaji sastera dan khalayak untuk menelaah, mengupas dan mengkajinya dalam pelbagai aspek tekstual. Justeru, Faisal Tehrani merupakan antara seorang penulis tanah air yang aktif dan berbakat besar kerana berjaya menghasilkan karya-karya yang bermutu (Affandi Hassan, 2005, p. 6). Isu-isu yang sering dibawa oleh beliau dalam karya-karyanya mencakupi permasalahan dalam negeri, luar negeri dan dunia, serta termasuk isu-isu politik yang membolehkan Faisal Tehrani membincangkan pelbagai isu dan permasalahan besar yang sering melanda dunia (Ummi Ammar, 2004, p. 15). Pada awal penglibatannya, gaya penulisan Faisal Tehrani dipengaruhi oleh gaya penulisan Shahnnon Ahmad kerana beliau banyak mempelajari dan mencontohi teknik penulisan sasterawan tersebut (Wan Zaliha binti Wan Othman, 2013, p. 36). Jelani Harun (*Dewan Sastera*, 2004, p. 29) turut berpendapat Faisal Tehrani merupakan seorang penulis berbakat yang bakal meneruskan tradisi penulisan sastera Islam tanah air dan menjadi generasi pelapis yang berpotensi serta berbakat dalam mencipta kreativiti dalam nur Islam.

Setelah meneliti situasi tersebut, pengkaji terdorong untuk mengkaji sama ada Faisal Tehrani sudah mencapai tahap keunggulan dalam legasi novel-novel ciptaannya. Hal ini sejajar dengan kecenderungan baharu dalam kalangan pengarang dekad mutakhir ini yang ingin melakukan reformasi bagi memperlihatkan transformasi kesusasteraan Melayu dengan jati dirinya dan ini dilaksanakan dengan baik, dengan penuh rasa tanggungjawab dan kesedaran untuk mengangkat maruah dan martabat teks kesusasteraan itu sendiri (Othman Puteh, 1995, p.13).

### **Teori Teksdealisme**

Falsafah Teori Teksdealisme berasaskan setiap pengarang itu mempunyai hasrat untuk meletakkan teksnya dalam mencapai tahap keunggulan. Bagi mencapai tahap suatu teks yang unggul, pengarang dituntut mempunyai sifat-sifat keberanian dan kebijaksanaan. Keberanian yang dimaksudkan adalah dalam mencetuskan sesuatu idea dan pemikiran baru dan bersedia untuk melakukan inovasi dan pembaharuan. Kebijaksanaan pula merujuk kepada sifat yang mendorong pekerjaan teks itu supaya dilakukan dengan penuh kesedaran dan bergerak dalam landasan

keilmuan. Tanpa sifat keberanian dan kebijaksanaan, teks-teks yang dihasilkan hanya akan bergerak dalam lingkungan tradisinya dan tidak memecah kepada teks-teks yang unggul.

Falsafah Teori Teksdealisme juga kembali kepada pengalaman sastra klasik Melayu yang banyak menyimpan khazanah dan mengandungi kebijaksanaan dan intelektualisme pengarang masa silam. Umpamanya teks *Hikayat Hang Tuah*, sebuah karya yang dianggap agung dan dibaca oleh seluruh orang Melayu. Teks ini diangkat sebagai sebuah epik kebangsaan dan mewakili teks-teks lama serta berjaya menggambarkan jiwa dan batin orang Melayu. Menurut Mana Sikana, penghasilan sesebuah teks yang ideal atau unggul tetapi bermula daripada idea dan pengalaman. Idea ialah lintasan-lintasan pemikiran yang bergema dalam kesedaran pengarang, yang mengembangkan dan mematangkan, yang akhirnya dijelmakan dalam bentuk teks kreatif.

Teori teksdealisme menegaskan bahawa teks sastra tidak lain daripada idea dan pengalaman. Bagi mendapatkan erti dan makna sesebuah teks sastra itu, subjek pengalaman haruslah dianalisis. Dengan itu, pentafsiran sesebuah teks bererti proses pemaknaan pengalaman pengarang yang terstruktur dalam sesebuah teks. Langkah yang perlu dilakukan ialah mencari sumber pengalaman pengarang. Hal ini disebabkan oleh semantika pengalaman pengarang mempunyai sejarahnya. Kita perlu menelusuri sejarah teks bagi membina dan mengkonkritkan semula pengalaman pengarang yang telah diperturunkan dalam teks untuk sampai kepada hakikat teks. Hal ini bererti, khalayak yang membaca teks itu sebenarnya membina pengalamannya. Proses dinamika teks telah berlaku. Khalayak akan cuba mencari dari manakah sumber pengalaman seseorang pengarang misalnya daripada pergolakan politik, isu ekonomi, gerakan dakwah, kebangkitan umrah dan sebagainya. Dengan kata lain, Teori Teksdealisme bersifat holistik yang melibatkan hubungan manusia iaitu pengarang atau pengkarya dan khalayak menerusi karyanya dengan pengalaman, pemikiran, persekitaran dan unsur-unsur yang mendasari sesebuah karya. Teori ini menggariskan empat prinsip yang menunjangi aspek-aspek teori, iaitu prinsip kehadiran, perlanggaran, pengukuhan dan individualisme.

## **Kehadiran dalam Novel-novel Terpilih**

Prinsip kehadiran dalam Teksdealisme menetapkan bahawa teks itu tidak lain daripada idea pengarang (Mana Sikana, 2001, p. 103 ). Kehadiran yang dimaksudkan menjurus pada pengalaman yang akan mempengaruhi kreativiti dalam penghasilan teks. Kehadiran yang berlaku dalam pemikiran pengarang akan dicerna, disusun dan akhirnya diciptakan dalam bentuk teks atau karya kreatif. Sementara kehadiran dalam diri khalayak pula berlaku hanya apabila teks itu telah siap dan sampai ke tangan pembaca. Terdapat pelbagai unsur yang dikategorikan sebagai kehadiran. Unsur-unsur tersebut ialah kemasukan, bayangan, ingatan, kenangan, penghijrahan, kutipan, pengaruh dan sebagainya. Selagi unsur-unsur tersebut menghadirkan pengalaman kepada pengarang mahupun khalayak selagi itulah unsur-unsur ini dikatakan sebagai kehadiran (Mana Sikana, 2006, p. 107). Kehadiran akan dianalisis daripada tiga persoalan. Pertama, apakah fakta-fakta yang hadir dan di manakah sumber kehadirannya? Kedua, bagaimana fakta itu hadir dalam teks tersebut?. Ketiga, apakah fungsi dan kesan kehadirannya?

Faisal menyatakan bahawa novel *1515* ialah karya terbaiknya setakat ini. Faisal berterusan berdoa supaya hayatnya panjang. Faisal mencurahkan sepenuh tenaga dan perasaan ketika menulis novel tersebut. Faisal telah melakukan penyelidikan mengenai kejatuhan Melaka ke tangan Portugis pada tahun 1515 selama enam tahun. Novel ini terilham setelah melihat lukisan gambar Alfonso de Albuquerque dalam buku teks Tawarikh ibunya semasa beliau berumur dalam lingkungan belasan tahun. Buku tersebut menjelaskan sejarah kejatuhan Melaka. Sehubungan itu, Faisal sering berkhayal mengenai perkara tersebut. Menurut Faisal Tehrani:

“Dalam *1515* saya buat cerita bukan Melaka jatuh kepada Portugal sebaliknya Portugal jatuh di tangan Melaka. Apa salahnya kalau saya gambarkan orang Barat yang duduk di atas pokok, bukannya kita yang begitu, seperti yang mereka pernah lakukan?”

(*Dewan Sastera*, 2004, p. 8)

Dalam konteks novel *1515*, terhasil daripada fakta minat Faisal Tehrani terhadap sejarah yang pernah berlaku di Melaka. Novel ini

dihasilkan melalui penjaanaan dan rekonstruksi sejarah kerajaan Melaka pada abad ke-15, terutama era keruntuhan Melaka kepada Portugis. Novel ini memberikan makna baharu kepada bahan sejarah, apabila segala data dan fakta yang bersifat objektif diberikan tafsiran baharu secara subjektif, sejarah yang didekonstruksi dan direkonstruksi mengikut acuan Adi Famiyun (Hanafi Ibrahim, 2003, p. 11). Novel ini sebuah novel yang memparodikan sejarah bahawa tentera Melaka berjaya menewaskan serangan Portugis yang mahu menjajah Melaka. Menurut Sohaimi Abdul Aziz (2002, p. 147) menyatakan “Metafiksiyen historiografik merujuk kepada simulacrum, iaitu salinan yang sempurna yang tidak mempunyai sumber asal dan kesimulakrumnya itu jelas apabila unsur sejarah yang dibawa masuk itu telah diputarbelitkan, ditokok tambah dan difiksikan. Justeru, sudah tidak ada lagi hubungan dengan sumber asal. Melalui penyelidikan yang dilakukannya, pembaca dapat mengetahui peristiwa sejarah yang berlaku di Melaka pada suatu ketika dahulu yang digambarkan dalam novel ini.

Menerusi *1515*, Faisal Tehrani telah membuat pentafsiran terhadap data dan fakta mengenai sejarah Melaka. Sumber-sumber sejarah tentang kerajaan Melaka telah digembeleng sebagai rencah dan ramuan dalam novel *1515* sebagai idea dan pengalaman kepada Faisal Tehrani. Kaedah yang dilakukan ini selari dengan tuntutan teori yang meminta pengarang mendapatkan sebanyak mungkin pengalaman dan merujuk pelbagai sumber. Md. Salleh Yaapar (2007, p. 232) mengatakan novel *1515* sebagai refleksi Faisal Tehrani terhadap kegetiran dan kesedihan. Teks ini merupakan sejenis wacana pascakolonial yang bertujuan menyingkap sejarah tersebut dan mengungkapnya semula dalam bentuk yang lebih disenangi atau diingini. Namun begitu, novel *1515* ini bukan dibina melalui dominasi pengarang tetapi diintegrasikan dengan peristiwa benar yang berlaku di Melaka melalui penyelidikan Faisal Tehrani. Dalam sastera yang penting bukan sahaja idea atau kebijaksanaan tetapi sejauh mana dia menggunakan daya cipta untuk menghasilkan karya yang baru, asli dan mengesankan (Mana Sikana, 1994, p. 7).

Selain itu, Faisal Tehrani menghadirkan sudut pandanganya berkaitan dengan perjuangan, keberanian, penyalahgunaan kuasa dan punca kelemahan yang membawa kepada kejatuhan kerajaan akibat perbuatan orang Melayu sendiri. Faisal Tehrani menghadirkan perasaan patriotisme

melalui watak Adi Famiyun dan disampaikan melalui watak Tun Nyemah Mulya. Selain itu, Faisal Tehrani turut menengahkan subjek patriotisme yang tinggi bagi mempertahankan tanah air, iaitu negeri Melaka, dan agama. Untuk itu, Faisal Tehrani telah menghadirkan semangat juang yang tinggi dalam diri Tun Nyemah Mulya. Tun Nyemah digambarkan sanggup berkorban dan berjuang untuk mengelakkan Melaka ditawan oleh Portugis. Semangat juang dan kehebatan Tun Nyemah dalam menghadapi serangan Portugal di Melaka dapat dianalisis dalam petikan di bawah:

“Tuanku, ampunkan patik beribu ampun, jika sudah diperintahkan tuanku begitu, apa pula hendak dikatakan patik kerana negeri ini negeri patik juga, maka berjuang mempertahankan negeri patik ini daripada jatuh ke tangan pemuja kayu dahat tentulah sesuatu yang wajib dan mustahil untuk patik elakkan. Patik dengan rendah diri menerima tugas ini meski patik kelapa muda tidak berminyak” (1515, p. 160)

Novel *Tunggu Teduh Dulu* juga sebuah lagi karya yang terhasil daripada pengalaman melalui pengalaman peribadi dan penyelidikan. Menurut Faisal Tehrani (Shahnon Ahmad, 2008 p. 325), novel ini terhasil daripada pengalaman semasa melawat ladang betik yang diusahakan oleh kawannya. Karya sasterawan itu bukan sekadar untuk difahami, sebagaimana kita memahami fakta-fakta atau maklumat yang diberi, tetapi merupakan suatu pengalaman baru yang dianalisis dan diinterpretasikan oleh pengarang melalui berbagai-bagai elemen dalam komposisi karya mengikut genrenya. Faisal Tehrani telah melakukan penyelidikan ilmiah untuk mendapatkan gambaran yang tepat dan menyeluruh mengenai cerita yang hendak disampaikan. Hasil daripada penyelidikan yang dilakukan, pembaca dapat mengetahui sedikit sebanyak mengenai penanaman betik. Kegiatan ekonomi berasaskan pertanian merupakan satu bidang yang sedang digalakkan oleh pihak kerajaan. Saranan dan suara hati pengarang dapat dikesan dalam petikan berikut:

“Saya kira bukanlah melihat ke belakang jika kita kembalikan minat kepada pertanian. Kita asyik-asyik sibuk dengan industri, teknologi, ekonomi, dan segala macam kepintaran IT. Kita lupa hasil bumi, hasil tani yang memberi kita makan. Tumbuh-



tumbuhan menyimpan rahsia tersendiri. Seperti kita manusia dan apa jua makhluknya ada fungsi. Setiap apa yang dijadikan Tuhan ada peranannya. Alam semesta ini datang daripada Allah, berfungsi untuk Allah, dan akan balik kepada Allah kelak. Bayangkan betapa banyaknya yang dapat kita selamatkan, daripada mengalir keluar jika negara membekalkan keperluan pemakanan rakyat tanpa perlu bergantung pada import luar” Saya memanjang bicara.

(TTD, p. 221)

Subjek yang dihadirkan dalam novel ini adalah tentang penglibatan golongan belia atau muda dalam industri pertanian. Kehadiran fakta ini menjadi sumber pengalaman dan pengkajian sama ada dalam bentuk realiti mahupun imajinasinya. Oleh itu, pengarang telah menghadirkan watak Salsabila Fahim dan Teh Sofia yang telah bergabung usaha dalam penanaman betik. Dalam novel ini, pengarang memaparkan secara terperinci mengenai penanaman betik dari aspek teknik penanaman, penggunaan racun, baja dan masalah-masalah dalam penanaman betik serta khasiat buah. Watak Salsabila dan Teh Sofia digambarkan sebagai kejayaan golongan muda yang mengusahakan pertanian mampu menjadi jutawan sekiranya dijalankan secara bersungguh-sungguh dan rapi. Melalui kesungguhan, keberanian dan kerjasama yang tinggi telah membolehkan Salsabila dan Teh Sofia menjadi pengusaha betik terkemuka di dalam negara dan di luar negara.

Novel *Bahlut* menjadi novel mutakhir untuk melihat keunggulan Faisal Tehrani dalam penghasilan karya-karyanya. Fakta menjadi idea dan pemikiran dalam novel ini sangat berbeza dengan novel-novel sebelumnya kerana berfokus pada dunia kehidupan masyarakat Orang Asli. Novel ini meneruskan tradisi sebagai novel berilmu dan penuh pemikiran kerana keinginan Faisal Tehrani untuk membantu Orang-orang Asli yang masih ketinggalan dibandingkan dengan bangsa-bangsa lain dalam negara dan merupakan rekonstruksi peribadi beliau. Perkampungan orang Asli di Pahang yang masih ketinggalan dari segi kemudahan prasarana, sunyi, damai dan masih bersandarkan sumber hutan telah menarik perhatian Faisal untuk menulis *Bahlut*. Tambahan lagi kawasan perkampungan orang Asli belum diasak pembangunan dan masih dilingkungi hutan yang menghijau. Novel ini juga bersumberkan pengalaman peribadi beliau

yang pernah berkunjung ke perkampungan Orang Asli, di Pahang. Perbezaan kehadiran idea dan pengalaman dalam novel ini dapat diperhatikan pada pengakuan Faisal Tehrani seperti berikut:

Saya kembali kepada renungan novel saya yang pertama diterbitkan iaitu *Perempuan Politikus Melayu*. Kisah orang yang tertindas. Para wali, imam dan nabi-mereka adalah pejuang untuk golongan yang tertindas dan dizalimi ini. Misi Islam ialah misi menyelamatkan insan kecil yang tersisih. Maka bagaimana saya dapat membiarkan suara mustadhafin terpinggir jika saya selesa sebagai seorang seniman? Kali ini saya tampilkan *Bahlut*, kisah tertindas yang bangkit merubah nasib kaumnya.

(*Bahlut*, 2010 p. xiv)

Pengalaman Faisal Tehrani yang berkunjung, bergaul dan berinteraksi dengan penduduk Orang Asli telah memberikan bonus yang besar unuk menghasilkan novel ini. Beliau merasai dan menyelami laut fikiran, gejala perasaan dan adat serta budaya masyarakat Orang Asli suku Semai dengan mendalam. Justeru, pengalaman beliau semasa mendekati dan meneroka kehidupan Orang Semai telah memudahkan beliau memindahkan segala bahan, maklumat, cebisan dan catatan-catatan tersebut dalam bentuk kreatif dan sekali gus menjadi recah dalam pembinaan teks *Bahlut* ini. Pengetahuan mengenai pokok, sungai, flora dan fauna dan kawasan hutan membantu beliau menulis novel dengan berkesan. Keadaan ini dapat mengayakan pengalaman beliau dalam menyelami dan mengupas kehidupan Orang Semai sehingga begitu mengesankan dalam novel *Bahlut*. Lantaran itu, kehadiran fakta tentang peristiwa sebenar dan latar yang realiti telah menjadikan gambaran masyarakat dan situasi serta fenomena yang dijelmakan pada watak-watak yang dibentuknya hidup meskipun sebahagian besar watak tersebut hanyalah imaginasi Faisal Tehrani.

Kekuatan yang ditampilkan dalam novel-novel ini merupakan kelebihan Faisal Tehrani mencitrakan latarnya. Kemampuan mengemukakan latar dengan gambaran yang terperinci ada kaitan dengan pengalamannya yang sentiasa merantau dan menetap di luar negara. Beliau

lebih selesa mengembara ke negara-negara Islam kerana mudah untuk mengerjakan ibadat dan mendapatkan makanan yang halal (*Dewan Siswa*, Ogos 2005). Pengalaman yang dilihat dan dialami sendiri telah memberikan laluan mudah kepada dirinya untuk menulis dan menggarap pelbagai isu dalam karya-karya kreatifnya. Justeru, dalam novel *1515*, *Tunggu Teduh Dulu* dan *Bablut* memperlihatkan latar tempat yang luas dan banyak di dalam dan luar negara. Antara latar tempat di luar negara yang sering dihadirkan ialah negara Turki, Indonesia dan Amerika Syarikat.

Melalui novel-novel ini juga, Faisal Tehrani banyak menghadirkan isu-isu agama dan hal ini secara langsung sebenarnya berkait erat dengan pengalaman peribadinya. Apabila menyentuh mengenai buku, Faisal Tehrani mengatakan bahawa terlalu banyak yang dibacanya dan kini mulai merubah set buku kegemaran yang meliputi *Mystical Dimensions of Islam* karya Annemarie Schimmel, *Fatimah is Fatimah* karangan Dr Ali Shariati, *Baltasar and Blimunda* oleh Jose Saramago dan puisi-puisi Hafiz Shirazi. Namun, beliau lebih menyanjungi al-Quran. Antara buku yang mula-mula dikagumi beliau ialah *Maalim Fi Tharig* karya Sayyid Qutb yang dijadikan bacaan wajib di Kolej Islam Klang. Faisal Tehrani meminati karya-karya Jose Saramago dari Portugal, Ismail Kadare dari Albania dan Mo Yan dari China. Pada peringkat tempatan, beliau mengagumi karya-karya A. Samad Said dan Shahnnon Ahmad. Faisal Tehrani juga senang dengan butir pemikiran Hassan Hanafi (Che Suzielawati, 2012, p. 52). Sementara dari aspek pendidikan pula, Faisal Tehrani memang mendapat pendidikan agama secara formal dari peringkat sekolah sehingga peringkat tertinggi. Latar belakang pendidikan dan pengalaman yang luas telah banyak mempengaruhi persepsinya terhadap sesuatu fenomena dan mempengaruhi tujuannya menghasilkan novel-novelnya. Umpamanya, novel *1515*, *Tunggu Teduh Dulu* dan *Bablut* begitu banyak dihadirkan surah-surah daripada al-Quran, hadis dan sirah Rasulullah SAW, bagi menjadikan pemikiran dan idea yang disampaikan memberikan makna dan mesej kepada khalayak pembaca. Nyatanya, Faisal Tehrani mempunyai visi dan misi ketika berkarya. Apabila masyarakat membaca karyanya, maka pembaca akan didedahkan dengan tanggungjawab terhadap masa hadapan khususnya terhadap bangsa dan agama. Hal ini secara tidak langsung menjadikan karyanya sebagai wahana Faizal Tehrani untuk berdakwah.

## Perlanggaran dalam Novel-novel Terpilih

Perlanggaran dalam konteks Teksdealisme merujuk kepada suatu proses penciptaan dinamik untuk mencari pembaharuan dalam berkarya (Mana Sikana, 1996, p. 76). Perlanggaran ini berperanan untuk menunjukkan cara atau memberikan kesedaran kepada pengarang supaya menghasilkan karya-karya yang unggul dan dapat menyerlahkan keunggulannya. Falsafahnya ialah dalam setiap diri pengarang itu wujud keinginan untuk memperbaharu dan memperbaiki setiap karya yang dihasilkannya. Di samping itu, pengarang sering berada dalam rasa tidak puas hati dengan karya-karya yang pernah dihasilkannya. Ketidakpuasan ini menyebabkan seseorang pengarang berusaha untuk menghasilkan teks yang lebih baik daripada teks yang pernah dihasilkannya.

Faisal Tehrani telah melakukan perlanggaran dan pembaharuan dalam aspek pemikiran atau subjek dalam setiap novelnya. Perlanggaran dalam aspek pemikiran sangat ketara dalam tiga novel yang dikaji berdasarkan kesegaran konsep dan makna pemikiran yang disampaikan oleh Faisal Tehrani. Novel-novelnya banyak memaparkan isu-isu yang menyentuh masyarakat Melayu-Islam dan masyarakat Malaysia yang majmuk. Terdapat perlanggaran dan pengekalan dalam aspek pemikiran atau subjek dalam setiap karyanya. Antara pemilihan pemikiran dan isu yang ditonjolkan adalah tentang pemikiran isu politik, ekonomi, sosial, dakwah atau ajaran agama Islam dan isu-isu semasa lain. Unsur pemikiran ketara yang diwujudkan dalam rentetan novel Faisal Tehrani menyangkut perihal perjuangan, pengorbanan, kasih sayang, hubungan kaum dan sebagainya.

Walaupun berlaku pembaharuan dari aspek konsep dan makna tetapi pengarang telah mengekalkan pemikiran tentang perjuangan masyarakat bawahan yang terdiri daripada golongan marhaen atau miskin, golongan terpinggir yang dieksploitasi, ditindas dan dijajah oleh golongan yang berkuasa dan golongan *opportunist* dalam novel-novel ini. Novel *1515* umpamanya, memperlihatkan usaha pengarang untuk mengangkat martabat bangsa timur agar dapat mengubah perspektif dan tanggapan pihak barat yang melihat bangsa timur bangsa yang lemah, suka kepada hiburan, terlalu fanatik dengan agama dan menyanjung adat dan budaya. Faisal Tehrani telah melanggar konvensi mengenai perjuangan kerana

memberikan fokus pada golongan muda. Hal ini kerana golongan muda mempunyai semangat juang yang tinggi, bijak, berfikiran luas, dan berilmu daripada golongan tua atau lama. Pelantikan seorang anak muda dan seorang perempuan pula merupakan suatu pembaharuan kerana secara konvensi dan tradisinya, usaha perjuangan diketuai atau pemimpinnnya ialah lelaki. Sementara golongan tua dan lelaki berperanan sebagai pelengkap kepada angkatan tentera pimpinan Nyemah Mulya.

Selepas sekian banyak karyanya melontarkan pemikiran tentang politik dan keagamaan, novel *Tunggu Teduh Dulu* dan *Bahlut* membawakan pemikiran sosio ekonomi, masalah sosial dan politik. Dalam dua novel ini, Faisal Tehrani ingin mengemukakan bahawa para pemimpin dan golongan birokrat inilah yang menyebabkan kehidupan rakyat dalam kesusahan dan ketinggalan. Faisal Tehrani telah memperlihatkan sikap inovasi dalam berkarya apabila mengemukakan pemikiran yang besar dengan konsep yang baharu dalam novel *TTD*. Dalam novel ini, beliau mengemukakan pemikiran belia dan wanita dalam kegiatan ekonomi, politik dan sosial dalam masyarakat. Perlanggaran pemikiran yang diutarakan mengenai penglibatan belia dalam bidang pertanian. Hal ini diperlihatkan menerusi Salsabila dan Teh Sofia yang berusaha sedaya mungkin untuk memajukan perusahaan penanaman betik sehingga menjadi pengusaha yang berjaya. Selain itu, mereka mengharung pelbagai masalah dalam mengusahakan tanaman betik seperti masalah serangan penyakit, cuaca, serangan monyet dan dihimpit masalah peribadi. Masalah lebih besar yang dihadapi ialah apabila ladang betik mereka akan diambil oleh pihak kerajaan untuk projek pembangunan di daerahnya.

Faisal Tehrani terus meningkatkan kreativiti, inovatif dan perubahan menerusi novel *Bahlut*. Novel ini memaparkan pemikiran mengenai mengenai masyarakat peribumi, iaitu orang Asli. Masyarakat orang asli digambarkan masih ketinggalan dalam menikmati kehidupan yang sempurna, dibelenggu kemiskinan, ditindas dan dieksploitasi oleh pihak-pihak tertentu. Oleh itu, Faisal Tehrani membangkitkan kritikan dan rasa simpati terhadap nasib masyarakat orang asli melalui watak Bahlut. Watak Bahlut telah ditampilkan sebagai belia anak orang asli yang berani, bijak dan berilmu telah berjuang untuk mengheret pihak-pihak yang terlibat dalam kegiatan pembalakan haram di kampungnya ke muka pengadilan. Secara tersirat, konsep perjuangan dalam novel *Bahlut* dibuat

perlanggaran dengan menyuguhkan kisah kehidupan masyarakat orang Asli yang akan terus dianiyai sekiranya pihak kerajaan tidak menyelesaikan masalah daripada akar umbi. Bentuk perjuangan dalam *Bahlut* memberikan konsep dan makna yang baharu serta merupakan satu inovasi apabila Faisal Tehrani menjadikan Bahlut sebagai anak muda yang mewakili masyarakat Orang Asli dengan penuh kebijaksanaan, keberanian dan kecekalan untuk melawan dan membawa pihak yang telah melakukan pembalakan di kawasan hutan berhampiran penempatan orang Asli. Dalam novel ini, Faisal Tehrani telah melakukan deviasi yang lebih ketara apabila penentangan dilakukan dengan cara yang lebih berhemah dan bijaksana daripada melakukan kekerasan atau penentangan yang nyata. Bahlut telah menggunakan bakat dan jasanya untuk menangani masalah pembalakan haram yang berlaku di kampungnya. Hal ini demikian kerana isu pembalakan tersebut sukar diselesaikan secara biasa kerana didalangi oleh individu yang berpengaruh.

### **Pengukuhan dalam novel-novel terpilih**

Mana Sikana (2001, p. 16) mentakrifkan pengukuhan sebagai usaha pendewasaan pengarang untuk menghasilkan teks yang terunggul. Pengarang akan berusaha untuk melakukan pengukuhan dan setiap teks adalah pengukuhan dirinya. Oleh itu, seseorang pengarang akan sentiasa terus berusaha untuk menghasilkan karya yang lebih baik. Pengarang yang unggul juga tidak akan membenarkan dirinya berada di bawah teks yang lemah atau kelemahan teks orang lain (Mana Sikana, 2006, p. 93). Berdasarkan tiga buah novel kajian, didapati Faisal Tehrani melakukan pengukuhan terhadap novel-novel yang dihasilkan. Mana Sikana (1999, p. 9-10) menyatakan, kaedah pengukuhan berlaku dalam pelbagai peringkat dan keadaan. Kesedaran pengarang menjadikan dirinya selalu bersikap adil dan sensitif serta melakukan pengukuhan setiap kali berkarya. Pengukuhan oleh pengarang terlaksana dalam teks-teks yang lain atau teks-teks dalam novel yang sama. Tujuannya tentulah ke arah mencari keunggulan dan memberi kesan yang lebih mendalam kepada pembaca (Siti Aisah Murad, 2012, p. 241). Usaha melakukan pengukuhan ini berlandaskan daripada kematangan, pengejapan dan penyempurnaan dari aspek pemikiran, falsafah dan tujuannya berkarya. Aspek pengukuhan dalam novel-novel Faisal Tehrani merangkumi semua elemen pembinaan sesebuah novel, iaitu tema, watak, latar, gaya bahasa dan teknik. Kajian

ini akan meneliti pengukuhan yang dominan dalam novel-novel terpilih Faisal Tehrani, iaitu aspek pemikiran, perwatakan, latar dan aliran.

Sebahagian fakta dan idea yang mencetuskan pemikiran dipaparkan dalam ketiga-tiga novel ini. Terdapat pengekal dan contoh jelas yang diberikan adalah sosio politik, ekonomi, sosial dan unsur agama yang mampu memberikan pengetahuan berguna kepada pembaca. Kehadiran subjek dan isu yang dicernakan oleh Faisal Tehrani menunjukkan pengukuhan antara novelnya. Misalnya, Faisal Tehrani telah mengkaji teks-teks kesusasteraan yang klasik dan dihadirkan dalam novel *1515*. Apabila melihat pemikiran dan struktur, penghasilan novel *1515* ialah satu pembaharuan dalam penulisan tanah air kerana mengubah fakta dan menggunakan dua latar masa dan tempat yang berbeza. Novel ini membuat penyemakan (revision) terhadap sejarah perhubungan Melaka-Portugal dengan mengubah konstruk jati diri Melaka (Noraini Md, Yusof, 2004, p. 11). Menurut Faisal Tehrani (Rozninah Abd. Azib, 2004, p. 8), novel *1515* menceritakan kisah bukan Melaka jatuh ke tangan Portugal sebaliknya Portugal jatuh di tangan Melaka. Pemikiran utama dalam novel ini dikhususkan untuk golongan remaja supaya mempunyai mengetahui peranan mereka dan semangat juang yang tinggi untuk membela agama, bangsa dan tanah air. Pemikiran ini disampaikan melalui watak Nyemah Mulya, seorang gadis yang remaja mempunyai semangat juang, keberanian dan kebijaksanaan yang tinggi. Oleh itu, Nyemah Mulya telah dipilih untuk mengetuai angkatan tentera Melaka bagi menghadapi serangan Portugal yang ingin menawan Melaka.

Novel *Tunggu Teduh Dulu* yang mengambil idea daripada fakta bukan sejarah tetap memaparkan pemikiran yang sama dalam *1515*. Subjek dan pemikiran yang diteruskan ialah aspek perjuangan, keberanian, kasih sayang dan ajaran agama Islam. Pengukuhan subjek dan pemikiran yang dikesan dalam novel ini adalah tentang pemikiran dalam perjuangan dan keberanian untuk mengubah nasib diri dan mempertahankan hak. Jika novel *1515* memaparkan pemikiran perjuangan untuk mempertahankan negeri, bangsa dan agama, novel *Tunggu Teduh Dulu* memaparkan perjuangan dan keberanian untuk melakukan pekerjaan pertanian sebagai kerjaya. Subjek dan pemikiran ini dijelmakan melalui watak Salsabila dan Teh Sofia yang berusaha untuk membuka ladang

betik setelah tidak mendapat peluang pekerjaan dalam sektor-sektor tertentu.

Makalah *Bahlut* dihasilkan daripada idea dan pengalaman Faisal Tehrani yang pernah mendekati masyarakat orang Asli. Dalam menghasilkan novel *Bahlut*, Faisal Tehrani telah mengutip seberapa dapat bahasa suku kaum Semai dan menyuguhkan pembaca kepada sebuah dunia baharu yang unik, dunia yang kurang diketahui (*Bahlut*, 2010, p. xi). Melalui penelitian, terlalu banyak pemikiran pengetahuan yang disogokkan dalam novel *Bahlut*. Novel ini masih membawa subjek dan pemikiran mengenai perjuangan dan keberanian untuk mencapai kejayaan dan membela nasib bangsanya daripada terus menjadi mangsa pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Aspek ini digambarkan melalui watak yang berbeza, iaitu dengan menyerlahkan golongan muda masyarakat orang Asli. Watak yang dijelmakan bagi merealisasikan pemikiran dan motif pengarang, dihadirkan dalam watak Bahlut sebagai anak orang Asli yang mempunyai ciri-ciri tersebut. Melalui Bahlut, Madi dan Kabut digambarkan sebagai remaja orang Asli yang memiliki sifat dan sikap yang berbeza dengan anak-anak remaja orang Asli yang lain. Sikap dan ciri ini mempunyai persamaan dengan watak Nyemah Mulya dalam *1515*, Salsabila, Teh Sofia, Sazli, Kamil dan Lam Ping Hai dalam *Tunggu Teduh Dulu*.

Dalam mencipta watak menerusi novel-novel ini, tergambar usaha pengukuhan menonjolkan watak-watak anak muda dan wanita. Watak dan perwatakan dalam novel-novel tersebut memperlihatkan watak yang gigih, berani, berwawasan dan berjuang untuk berjaya atau mencapai cita-citanya. Novel *1515*, *Tunggu Teduh Dulu* dan *Bahlut* memaparkan watak golongan muda atau belia yang berjuang untuk mencapai cita-citanya. Misalnya dalam novel *1515*, dipaparkan watak Nyemah Mulya bersama pasukannya yang terdiri daripada golongan muda telah berjuang dengan bersungguh-sungguh untuk mempertahankan negeri Melaka daripada serangan Portugis. Pengukuhan mengenai watak dan perwatakan seumpama ini diteruskan dalam novel *Tunggu Teduh Dulu* yang menampilkan kesungguhan dan keberanian Salsabila dan Teh Sofia menceburkan diri dalam kegiatan pertanian, iaitu penanaman betik. Pelbagai masalah dan cabaran dihadapi sebelum mereka berjaya menjadi pengusaha betik yang berjaya. Faisal Tehrani terus melakukan pengukuhan



terhadap golongan muda dalam novel *Bahlut*. novel ini diberi nafas baharu apabila mencipta watak daripada masyarakat orang Asli. Bahlut ditampilkan sebagai anak muda orang Asli yang mempunyai sifat dan sikap yang berani, bercita-cita tinggi, tegas, berwawasan untuk mengubah nasib diri dan membela masyarakat orang Asli di kampungnya yang diancam bahaya akibat kegiatan pembalakan haram. Pembaharuan dan kelainan inilah yang membantu pengukuhan terhadap watak golongan muda atau belia dalam novel-novel ini sehingga berjaya menyerlahkan subjek yang menjadi fokus penceritaan.

### **Individualisme dalam novel-novel terpilih**

Prinsip terakhir dalam Teksdealisme ialah keperibadian atau individualisme. Prinsip ini merupakan klimaks kepada prinsip-prinsip sebelum ini. Falsafah Teksdealisme menegaskan bahawa setiap pengarang haruslah berusaha untuk menghasilkan atau menciptakan sifat keperibadian atau sifat individualisme masing-masing. Individualisme merujuk kepada pembinaan kepengarangan pengarang yang merupakan ciri pembeza antara seorang pengarang dengan pengarang yang lain. Menurut Mana Sikana (2006, p. 146) individualisme mempunyai hubungan yang erat dengan autensiti dan originaliti. Usaha tersebutlah yang akan memperlihatkan keaslian teks-teks yang dihasilkan sehingga menonjolkan jati diri pengarang. Pengandaian dasar ini mengharapkan setiap pengarang dan setiap teks yang dihasilkan haruslah dilakukan dengan kesungguhan. Empat kriteria yang ditetapkan oleh Mana Sikana untuk mengesan individualisme pengarang ialah stail individu, reka cipta individu, kedirian individu dan tindakan individu. Pengarang yang sudah mempunyai jati diri atau individualisme itu dengan sendirinya mempunyai individualistik idealisme, iaitu sifat-sifat keunggulan diri (Abdul Rahman Napiah, 2012, p. 303).

Faisal Tehrani didapati memperlihatkan keperibadiannya dalam tiga buah novel yang dikaji dalam makalah ini. Novel-novel kajian, iaitu *1515*, *Tunggu Teduh Dulu (TTD)* dan *Bahlut* secara jelas memaparkan pelbagai masalah manusia sebagai subjek utamanya. Unsur kemasyarakatan dan kemanusiaan yang menarik perhatiannya ialah sosio politik, ekonomi dan agama menjadi subjek yang dominan dalam novel-novel tersebut. Pengambilan subjek-subjek seumpama itu dapat memperlihatkan Faisal

Tehrani sebagai penulis yang mempunyai semangat dan jati diri yang tinggi terhadap nasib bangsa serta masyarakatnya. Dalam novel *TTD* dan *Bahlut* memaparkan isu pemimpin yang tidak berupaya untuk membela nasib yang menimpa masyarakat menjadi tanggungjawabnya. Mislanya dalam *TTD* digambarkan watak Salsabila terpaksa menyerahkan tanah pusaka mereka kepada pihak pemaju untuk menjayakan projek-projek pembangunan. Sementara itu, dalam novel *Bahlut* pula, masyarakat orang asli di pedalaman tidak berupaya menghalang kegiatan pembalakan haram yang sedang memusnahkan hutan di kawasan penempatan mereka. Masalah ini terus berlaku akibat terdapat individu yang bersekongkol dengan syarikat yang menjalankan pembalakan tersebut.

Jika ditelusuri dalam penghasilan karya, Faisal Tehrani turut dikelompok dalam kalangan penulis sastera berunsur agama. Hal ini disebabkan latar belakangnya yang menerima pendidikan formal dalam bidang pendidikan Islam. Lantaran itu, Faisal Tehrani tidak terlepas dalam kepengarangan, kerap mengambil semula unsur agama Islam dan ketradisian dalam novel-novelnya. Unsur yang paling ketara diperlihatkan ialah latar tempat, nilai-nilai Islam, sosial, budaya dan politik yang diserapkan dalam karyanya. Novel *1515*, *Tunggu Teduh Dulu* dan *Bahlut* misalnya, memperkukuh kecenderungan Faisal Tehrani menerapkan nilai-nilai Islam dalam novel melalui watak, monolog, dialog dan sebagainya. Mislanya dalam novel *1515* disogokkan dengan nilai-nilai Islam untuk diteladani oleh golongan remaja. Antara nilai yang dianjurkan ialah untuk menyedarkan golongan remaja tentang peranan mereka kepada agama, bangsa dan tanah air. Dalam novel ini, diperlihatkan melalui watak Nyemah Mulya seorang remaja yang telah berani berjuang untuk mempertahankan negeri dan agama daripada dihancurkan oleh pihak Portugis.

Satu lagi yang menunjukkan keperibadian Faisal Tehrani ialah latar. Beliau dilihat gemar dan kerap menggunakan latar di dalam dan di luar negara. Latar luar negara yang sering digunakan ialah negara Turki dan Indonesia. Jika disorot, kedua-dua latar ini mempunyai kaitan dengan pengalaman Faisal Tehrani yang pernah berkunjung dan bekerja di negara tersebut. Hal ini diakui oleh Faisal Tehrani yang mengatakan bahawa beliau kerap ke Turki kerana mempunyai keluarga angkat di sana iaitu di Urgup. Malahan semasa berada di negara berkenaan, beliau akan

melakukan kajian (*Dewan Sastera*, 2007, p. 8). Faisal Tehrani sering berkunjung ke Aceh kerana mempunyai keluarga di sana. Pengalaman yang memberikan kesan padanya ialah selepas Aceh dilanda Tsunami. Kejadian tsunami itu telah mencetuskan minatnya untuk terus mengkaji hubungan falsafah dengan alam Melayu dan hubungannya dengan masyarakat Islam (Wan Zaliha Wan Othman, 2013, p. 27).

Dengan mengambil tempat di luar negara sebagai latar sampingan, keadaan budaya, geografi dan masyarakat setempat digambarkan dengan baik sekali. Secara jelas, Faisal Tehrani tidak mereka-reka budaya dan keadaan di negara yang digambarkan dalam novel ini. Misalnya novel *1515*, *Tunggu Teduh Dulu* dan *Bahlut* mengambil latar Kuala Lumpur yang digambarkan sebagai bandar yang maju dan menularnya masalah sosial dalam kalangan belia. Dalam novel-novel tersebut juga, Faisal Tehrani menjelaskan kemajuan negara dalam bidang ekonomi, sosial dan keburukan yang dilakukan oleh pemimpin atau ahli politik. Permasalahan dan budaya masyarakat digambarkan melalui sikap dan pemikiran watak-wataknya sama ada wataka baik dan watak negatif.

Stail individu banyak merujuk kepada aspek bahasa yang digunakan pengarang sehingga berhasil mendapatkan bahasanya sendiri (Mana Sikana, 2006, p. 146). Shahnnon Ahmad (1994, p. 53) mengingatkan bahawa gaya bahasa menjadi *trade-mark* kepada sasterawan. Dalam konteks ini, Faisal Tehrani mempunyai gaya bahasanya sendiri. Berdasarkan tiga buah novel dikaji, bahasa yang digunakannya memancarkan kesegaran dan penuh bertenaga dan pelbagai jenis gaya bahasanya. Faisal Tehrani telah melakukan pelanggaran terhadap bahasa dalam karya-karyanya dan pengarang lain. Beliau didapati sangat gemar menggunakan diksi atau istilah yang membawa makna tersendiri atau bahasa yang menuntut pembaca berfikir, erotik dan bahasa asing. Namun begitu, aspek keindahan bahasa masih dipentingkan dalam menyampaikan penceritaannya. Gaya bahasa yang sering digunakan ialah personifikasi, metafora, simlie dan pengulangan.

Reka cipta individual oleh Faisal Tehrani menunjukkan dirinya sendiri. Reka cipta bagi ketiga-tiga buah novel menampakkan kelainan dan perbezaan antara novel tersebut. Reka cipta individual merujuk kepada teknik, metode dan mekanisme penciptaan. Pengarang diibaratkan sebagai

seorang arkitek yang membentuk dan membina sesebuah bangunan dan dari situ jati dirinya akan dikenal pasti (Mana Sikana, 2006, p. 147). Dalam konteks ini, Faisal Tehrani telah dikenal pasti menggunakan metode untuk mencipta watak dan perwatakan yang selari dengan latar penceritaan. Lantaran itu, penceritaan dalam tiga buah novel ini berjaya memperlihatkan watak-watak dalam novelnya kelihatan realiti, sedar dan berkesan kerana reka cipta yang teratur. Misalnya novel *1515*, berlatar belakangkan dua tempat dan masa, iaitu latar masa kini dan masa silam. Sementara latar tempat pula berfokus di Melaka dan di Kuala Lumpur. Bagi disesuaikan dengan latarnya, telah menggunakan nama-nama sebenar seperti Sultan Mahmud, Sultan Ahmad, Tun Fatimah, Alfonso de Alburquerque. Bagi nama-nama watak bukan sebenar yang dihadirkan ialah watak Nyemah Mulya, Adi Fimiyun, Maude dan beberapa nama lain lagi. Secara sedar Faisal Tehrani membawa proses kreatif yang baharu dalam novel-novel tempatan.

Manakala *Tunggu Teduh Dulu* pula, memperlihatkan ketelitian Faisal Tehrani dalam mengubah dan mencipta watak-watak yang pelbagai dan bervariasi daripada bangsa, agama dan negara. Watak-watak Melayu-Islam yang dibina ialah Saksabila, Teh Sofia, Mimi, Mak Cik, Sazli, Shahruzzaman dan Kamil. Manakala watak bangsa bukan Melayu pula ialah Lam Ping Hai dan Annette. Watak dari Indonesia pula ialah Dendy. Dalam novel *Bahlut* juga, terdiri daripada watak-watak orang Melayu, bukan Melayu dan orang Asli. Watak orang Melayu-Islam terdiri daripada cikgu Zaiful, Zalman, Ustaz Zaidi, Razak dan Mak Su Suraya. Watak-watak orang Asli pula, melalui Bahlut, Madi, Kabut, Embun, Tiat, Batin Endau dan Tiji. Watak bukan Melayu pula ialah Siroii, Belle, Donna dan watak dari Indonesia iaitu Kartika. Usaha Faisal Tehrani mencipta pelbagai watak ini sejajar dengan latar dan situasi masyarakat dan peristiwa yang hendak dicitrakannya dan memperlihatkan mekanisme penciptaan yang individual.

Selanjutnya, dilihat pula tindakan individu yang merujuk kepada cara seseorang pengarang melakukan tindakan-tindakan dalam penulisannya. Tindakan ini memerlukan ilmu, renungan dan keberanian (Mana Sikana, 2006, p. 148). Tindakan-tindakan yang dilakukan dapat menggambarkan ciri-ciri keperibadian seseorang pengarang dalam berkarya. Secara nyata Faisal Tehrani mempunyai prinsip dan falsafah

dalam berkarya. Faisal menulis bukan untuk mencipta nama tetapi mempunyai tujuan dan motif tersendiri. Menurutnya, bidang sastra ialah lorong yang Allah SWT tunjukkan. Menurutnya, Allah SWT yang memberikan ilham untuk beliau menceburi bidang sastra dan Dia yang memberikan kekuatan kepada dirinya. Baginya ketentuan Allah SWT. juga kelahirannya di dunia untuk menceburi bidang sastra (Aznur Rahman, 2004, p. 2).

Ketika menghasilkan sesebuah karya, Faisal Tehrani meletakkan pelan tindakan untuk golongan remaja, iaitu mereka akan tahu apakah tanggungjawab mereka untuk masa hadapan khususnya untuk bangsa dan agama. Pelan tersebut ialah supaya golongan remaja dapat merenung diri seolah-olah perjuangan nabi Ibrahim a.s yang memusnahkan berhala bapanya sendiri supaya memantapkan rasa taqwa (Che Suzielawati, 2012, p. 27). Sehubungan itu, novel *1515* dan *Tunggu Teduh Dulu* dan *Bahlut* menggambarkan usaha dan tindakan Faisal Tehrani untuk menghasilkan karya yang bermutu dan menunjukkan keprihatinannya terhadap isu-isu dan permasalahan hak-hak kemanusiaan yang semakin tergugat. Justeru, novel-novelnya sentiasa bergerak ke arah perjuangan, pembangunan sosial dan akhlak, dakwah dan kemajuan bangsa sehingga menyerlah dalam novel-novel tersebut. Dalam konteks ini, Keris Mas sering kali menekankan penulis agar banyak mencipta stail-stail baru. Mesti belajar tentang segala teori sastra. Mempertajam sensitiviti dan penuh persepsi. Perkembangan bentuk penulisan, sentiasa mengarah kepada kemajuan-kemajuan. Seseorang pengarang itu mesti tegas dengan prinsip dan cita-cita yang diperjuangkannya (Abdul Rahman Napiah, 2012, p. 325).

## **Kesimpulan**

Berdasarkan penelitian terhadap tiga buah novel Faisal Tehrani, jelas terbukti bahawa Faisal Tehrani sudah mencapai tahap keunggulannya dengan kekuatan dan keistimewaan tersendiri yang telah dan sedang dibinanya. Setiap novel yang dihasilkan ternyata membawa kelainan yang ketara dalam aspek tema, pemikiran, watak dan perwatakan, stail penceritaan, latar dan bahasanya. Lebih istimewa apabila novel yang dihasilkan bukan daripada imaginasi atau perspektif daripada tanggapan dan pengamatan luaran semata-mata, tetapi dikutip, disaring dan dikupas

daripada sumber rujukan, pembacaan, pengamatan dan pengalaman sendiri berdasarkan sesuatu peristiwa yang ingin didiksikannya. Selain itu, ketiga-tiga novel yang dihasilkan ini menampakkan kelainan dan mempunyai unsur kukuh dan teguh untuk berdiri sebagai karya yang berkualiti. Malahan setiap novel-novel tersebut dilakukan perlanggaran dan pengukuhan hingga membentuk keperibadiannya sebagai penulis novel yang berjaya.

Di samping itu, novel-novel yang dihasilkannya bergerak daripada pengalaman, isu-isu semasa dan reaksinya terhadap sekitarnya. Lantaran itu, kekuatan utama novel-novelnya terletak pada subjek, pemikiran, latar, bahasa yang sesuai dan tersendiri. Berikutan itu dalam menghasilkan novel-novel, Faisal Tehrani mempunyai kedudukan dan keistimewaannya tersendiri. Faisal Tehrani begitu berani melakukan perubahan ataupun inovasi dalam menghasilkan karyanya dari aspek pemikiran, teknik, aliran, bahasa dan latar penceritaannya. Dengan itu tidak hairanlah, karya-karya Faisal Tehrani mendapat tempat dalam kalangan pembaca, pengkaji dan pengkritik sastera untuk mencari kekuatan dan keistimewaan dalam teksnya. Keadaan ini menjadikan novel-novel Faisal Tehrani berbeza dengan karya-karya pengarang-pengarang seangkatan disebabkan oleh keupayaan dan kemampuannya mengolah pemikiran, mesej, teknik dan seumpamanya yang dapat menarik perhatian khalayak pembacanya. Segala daya dan usaha untuk menghasilkan novel berkualiti ini telah menempatkannya sebagai novelis yang menuju ke arah keunggulan.

## **Bibliografi**

- Abdul, H.A. (2011). *Pengantar teori dan kritikan sastera: Barat dan Malaysia*. Seri Kembangan: Persatuan Penulis Budiman Malaysia.
- Abdul, R.N. (2012). "Keunggulan Shahnnon Ahmad" dlm. Muhammad Haji Salleh (peny.) *Siri kajian pemikiran Sasterawan Negara pemikiran Sasterawan Negara Shahnnon Ahmad*. (369-395). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul, R.N. (2012). "Keris Mas sebagai cerpenis: Pandangan Teksdealisme" dlm.

- Jaafar, A.R. (peng.) *Siri Kajian Pemikiran Sasterawan Negara Pemikiran Sasterawab Negara: Keris Mas.*(301-328). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul, R.N. (2013). “*Tamu di Bukit Kenny*” karya Usman Awang: Daripada perspektif Teori Teksdealisme” dlm. Anwar Ridhwan (peny.) *Siri Kajian Pemikiran Sasterawan Negara: Pemikiran Sasterawan Negara Usman Awang.* (283-304). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azhar, I. (2005), “*Pemasaran Teori Sastera*”. dlm. Hajijah Jais dan Muhamad Ikhrum Fadhly Hussin. *Teori dan Kritikan sastera Melayu Serantau.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aznur, R. (2004). “Sastera adalah dunia ilmu-Faisal Tehrani” dlm. *Tunas Cipta.* Julai: p. 2-3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Che Suzielawati binti Ahmad. (2012). *Dakwah: Satu kajian terhadap novel-novel karya Zaid Akhtar dan Faisal Tehrani.* Tesis Sarjana Falsafah. Jabatan Persuratan Melayu. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Faisal, T. (2002), “Bahasa terpinggir sastera tersingkir” dlm. *Dewan Sastera,* Ogos: p. 19-25. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Faisal, T. (2003). *1515.* Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributors Sdn. Bhd.
- Faisal, T. (2008). *Tunggu Teduh Dulu.* Kuala Lumpur: Al-Ameen Serve Holdings Sdn. Bhd.
- Faisal, T. (2010). *Bahlut.* Kuala Lumpur: Al-Ameen Serve Holdings Sdn. Bhd.
- Hajijah, J. & Muhamad, I.F.H. (peny.). (2005). *Teori dan kritikan sastera Melayu serantau.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hajijah, J. (2006). *Novel-novel Anwar Ridhwan.* Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

- Hajjah, J. (2012). “*Pertentangan dalam Teori Teksdealisme*” dlm. *Siri kajian pemikiran Sasterawan Negara pemikiran Sasterawan Negara Shahnon Ahmad* oleh Muhammad Haji Salleh (Peng. oleh). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Junaidah binti Salleh. 2001. *Kepengarangan Noordin Hassan: Suatu analisis Teori Teksdealisme*. Projek Sarjana Sastera Jabatan Persuratan Melayu. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mana, S. (1996). *Teori Teksdealisme*. Bangi: Penerbitan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mana, S. (1998). *Teori dan kritikan Sastera Pascamodenisme*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Mana, S. (1999). Teksdealisme: Kertas kerja kolokium membina teori sastera sendiri, anjuran Bahagian Teori dan Kritikan Sastera. Kualam Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana, S. (2001). Teori Teksdealisme. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Teori Teksdealisme, anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka dengan kerjasama Persatuan Pengkritik Sastera Malaysia di Balai Seminar. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana, S. (2004). *Sastera Melayu pascamodenisme*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana, S. (2005). *Sastera Junjungan*. Bandar Baru Bangi: Penerbit Pustaka Karya.
- Mana, S. (2006). *Teori Sastera Teksdealisme*. Singapura: Pustaka Karya.
- Mana, S. (2009a). *Teori Sastera Kontemporari*. Bangi: Pustaka Karya.
- Mana, S. (2009). *Teori Sastera Kontemporari*. Bangi: Pustaka Karya
- Mana, S. (2009b). *Kritikan Sastera Melayu Moden*. Bangi: Pustaka Karya.
- Mana, S. (2013). *Dari barat ke timur: Teori dan kritikan sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.



- Mana, S. (2015). *Sasterawan negara di takhta keunggulan*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Negara.
- Md. Salleh, Y. (2002), "Teori sastera mandiri dalam perkembangan globalisasi", dlm. *Dewan Sastera*. Mac: p. 23-27.
- Md. Salleh, Y. (2007). "*The empire strikes back: Fiksyen kembara dan pengungkapan semula sejarah dan identiti Melayu dalam 1515*". Dlm. Dato' Dr. Ahmad Kamal Abdullah, Mohd Jusoh Majid dan Muhamad Ikhrum Fadhly Hussin (Penyelenggara) dlm. *Prosiding seminar kesusasteraan bandingan antarabangsa 2007*. (231-254). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noraini, M.Y. (2004). Ideologi dan konstruk jati diri Melaka dalam 1515, dlm. *Dewan Sastera*. Ogos: 11-14.
- Nur, S. (2010). *Kepengarangan Mana Sikana: Satu analisis Teksdealisme*. Tesis Sarjana Sastera, Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rozninah, A.A. (2004). "Kubawa bakatku ke jalan Futuwwah", dlm. *Dewan Sastera*. Ogos: p. 6-10.
- Shahrin, N.M.N. (2012). "Menjejaki keunggulan *Orang Kota Bharu*" dlm. *Siri kajian pemikiran Sasterawan Negara pemikiran Sasterawan Negara S. Othman Kelantan* oleh. Rosnah Baharudin (peny.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti, A.M. (2012). "Pengukuhan teks dalam novel-novel Shahnnon Ahmad" dlm. Muhammad Haji Salleh (Peng. oleh). *Siri kajian pemikiran Sasterawan Negara pemikiran Sasterawan Negara Shahnnon Ahmad*. (239-256). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sohaimi, A.A. (2002). "Unsur sejarah dalam metafiksyen historiorafik: Satu pemikiran pascamoden", dlm. Lalita Sinha (Peny.) *Tradisi dan modeniti: Kesusasteraan melintasi zaman dan wilayah*, (p 139-157). Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Sohaimi, A.A. (2003). *Teori & kritikan sastera modenisme, pascamodenisme, pascakolonialisme*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Sohaimi, A.A. (2014). *Teori dan kritikan sastera edisi kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shahnon, A. (1994). *Pengalaman ilmu imaginasi dan kitarannya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali & Muhammad, J.A.T. (2010). "From Awan Putih to Suasana Senja: A Texdealism Approach towards Masuri S.N's poetry". *Journal of Malay Literature*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Umi, A. (2004), "1511H [Kombat] novel yang mencabar minda" dlm. *Dewan Sastera*. Ogos: p. 15. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Webster, R. (1993). *Studying literary theory. An introduction*. London: Edward Arnold.